



PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI PERLIS

KENYATAAN TAWARAN SEBUT HARGA

1. Tawaran adalah dipelawa kepada kontraktor-kontraktor tempatan yang berdaftar dengan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB) serta mempunyai Perakuan Pendaftaran Kontraktor (PPK), Sijil Taraf Bumiputera (STB) dari Pusat Khidmat Kontraktor dan Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK) yang masih sah dalam Gred **G1**, Pengkhususan **B24** dan **B04**. Butiran Sebut Harga adalah seperti berikut:

Tajuk Sebut harga/ No.Sebut harga	Kod Bidang Pendaftaran	Tarikh Buka	Tarikh Tutup
Tajuk Sebut harga: Kerja-Kerja Pemasangan Halangan Berbentuk Jaring Dawai Besi Dan Pembasmian Burung Di Kompleks Pentadbiran Kerajaan Negeri Perlis Aras 4 Dan 5 Blok A, Blok F, Blok B Dan Dewan Bankuet Serta Kerja-Kerja Berkaitan Dengannya No.Sebut harga: SUK.Ps.SULIT 2-S/2026	G1 B24 (Kerja-Kerja Penyelenggaraan Bangunan) dan G1 B04 (Kerja-kerja Pembinaan Bangunan)	4 Mac 2026 (Rabu)	11 Mac 2026 (Rabu) sebelum jam 12.00 tengah hari

2. Borang Sebut Harga boleh dibeli dengan harga **RM20.00** dan **diedarkan sepanjang tempoh iklan Sebut Harga** di Bahagian Khidmat Pengurusan, Aras 4, Blok A, Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Perlis, Kompleks Pentadbiran Kerajaan Negeri Perlis, Persiaran Wawasan, 01000 Kangar, Perlis pada waktu pejabat **mulai jam 9.00 pagi hingga 5.00 petang kecuali pada hari jumaat sehingga jam 12.30 tengah hari sahaja**.
3. Pembelian sebut harga perlulah dibuat secara **TANPA TUNAI** melalui portal **ebayar.perlis.gov.my** kepada **Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Perlis (Unit Kewangan)** mulai hari tarikh sebut harga dibuka iklan Sebut Harga. Salinan resit hendaklah dikemukakan semasa pengambilan dokumen di Bahagian Khidmat Pengurusan. **Tiada bayaran yang diterima secara tunai dan Wang tidak akan dikembalikan.**
4. Lawatan tapak/taklimat bagi sebut harga di atas tidak diwajibkan. Sekiranya terdapat keperluan **untuk lawatan tapak** bagi mendapatkan maklumat lanjut, pihak syarikat boleh mengemukakan permohonan secara rasmi melalui emel kepada daniel@perlis.gov.my (Encik Muhammad Daniel bin Mohd Shah nombor telefon 04-9738941).
5. Hanya satu (1) dokumen sebut harga sahaja yang dikeluarkan kepada setiap penyebut harga. Sila bawa bersama **CAP RASMI SYARIKAT** dan sijil **DOKUMEN ASAL** berkaitan semasa mendapatkan borang sebut harga. Borang sebut harga hanya diedarkan kepada penyebut harga yang mematuhi syarat sebut harga sahaja.
6. Semua maklumat yang dinyatakan di dalam dokumen Sebut Harga wajib dilengkapkan. Dokumen yang tidak lengkap tidak akan diproses.
7. Dokumen sebut harga yang telah lengkap diisi, boleh dikemukakan kepada Bahagian Khidmat Pengurusan, Aras 4, Blok A, Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Perlis, Kompleks Pentadbiran Kerajaan Negeri Perlis, Persiaran Wawasan, 01000 Kangar, Perlis **sebelum atau pada 11 Mac 2026 (Rabu) jam 12.00 tengah hari**. Dokumen sebut harga yang **LEWAT** dikemukakan **TIDAK AKAN DIPERTIMBANGKAN**.
8. Sebarang pertanyaan mengenai Sebut Harga ini bolehlah diajukan kepada:

Urus Setia Sebut Harga : 04-973 8920/04-9738941/04-9738878

